

MALAYSIA DAN INDEKS KEBAHAGIAAN DUNIA



Indeks kebahagiaan dunia atau kebahagiaan masyarakat dunia adalah satu konsep yang relatif baru. Konsep ini muncul pada tahun 1970-an dan 1980-an. Pada masa itu, negara-negara maju telah mencapai tahap pembangunan ekonomi yang tinggi. Namun, mereka mulai mempertanyakan apakah kekayaan material yang melimpah itu benar-benar membawa kebahagiaan kepada rakyatnya. Oleh itu, beberapa negara telah mula memperkenalkan Pembangunan Manusia (HDI) sebagai alat ukur yang lebih holistik. HDI tidak hanya melihat pendapatan per kapita, tetapi juga faktor-faktor lain seperti jangka hayat yang panjang dan akses kepada pendidikan yang berkualiti.

Mengapitikan lagi apabila ini telah menjadi kebiasaan Malaysia dan lebih baik berbanding dengan negara maju termasuk Itali (skor indeks 7.522) hingga ke-46, Jepun (skor indeks 7.520) di tangga ke-51, Korea Selatan (skor indeks 7.508) di tangga ke-56 dan Turki (skor indeks 7.500) di tangga ke-59. Negara lain di bawah ini yang tersenarai di bawah Malaysia adalah Filipina (skor indeks 7.500) di tangga ke-72, Cina (skor indeks 7.477) di tangga ke-79 dan Indonesia (skor indeks 7.462) di tangga ke-81.

Melihat kepada kedudukan tersebut, pastinya ramai tertanya-tanya apakah kaedah yang digunakan untuk menyenaraikan indeks kebahagiaan dunia? Maka, ada kalanya kita meminati sedikit sebanyak tentang dimensi serta konstruk yang menjadi kayu ukur kebahagiaan serta metodologi digunakan. Ini penting difahami kerana itulah asas kepada kritikan lanjut serta interpretasi.

Indeks kebahagiaan masyarakat adalah berdasarkan kepada model pengukuran kebahagiaan yang dicadangkan oleh The Organisation for Economic Co-operation and Development (OECD) dari



MALAUPIUN kemajuan dan kebahagiaan mempunyai pertalian kuat, terdapat faktor lain yang menentukan kebahagiaan dan kegembiraan rakyat di sesebuah negara termasuk amalan harian yang disebut sebagai realiti sosial. - GAMBAR HIASAN/UTUSAN

sudut asas sosial.

Menurut model ini, sekurang-kurangnya terdapat tiga dimensi utama yang menjadi ukuran kebahagiaan iaitu penilaian kehidupan (*life evaluation*), natijah (*afflict*), dan *eudaimonic*. Penilaian kehidupan dalam kerangka OECD ini adalah merujuk kepada tahap kepuasan terhadap kehidupan individu yang ditandai dengan skala 0 hingga 10, manakala dimensi natijah pula memberi tumpuan kepada aspek makna kehidupan.

Persoalan beritatan sejauh mana kehidupan anda bermakna adalah asas kepada dimensi ini. *Eudaimonic* pula adalah satu konsep kesejahteraan subjektif yang disebut oleh ahli falsafah Aristotle sebagai kualiti kehidupan daripada matlamat kehidupan.

Ketiga-tiga dimensi ini adalah asas kepada pengukuran kebahagiaan yang menjadi tapak kepada penentuan indeks kebahagiaan dunia. Pemboleh ubah lain yang diukur adalah pendapatan per kapita, sokongan sosial, kesihatan, kebebasan untuk membuat pilihan, kualiti kebajikan, murah hati

dan persepsi korupsi.

Biarpun dimensi-dimensi ini pada hakikatnya adalah terlalu sempit untuk dijadikan kayu ukur yang mutlak, namun sekurang-kurangnya perbandingan daripada tiga dimensi ini meletakkan asas untuk memahami perspektif rakyat sesebuah negara kepada kehidupan harian. Laporan indeks yang boleh diakses secara percuma ini adalah dokumen penting kepada pelabur dan satu cara untuk membuat keputusan penting terhadap sesebuah negara.

Ini juga penting kerana dalam dunia global hari ini pelbagai bentuk dalwaan terhadap kebahagiaan kehidupan di sesebuah negara tersebar di media sosial. Adakalanya pengalaman peribadi melawat negara luar telah dibuat generalisasi tentang sesebuah negara.

Walhal, ia adalah pengalaman peribadi yang tidak berupaya dijadikan kayu ukur sebenar.

Maka adalah wajar untuk meneliti kedudukan Malaysia dan beberapa negara lain dalam indeks ini. Indeks 2017 telah me-

letakkan Norway (skor indeks 7.537) sebagai negara paling bahagia diikuti Denmark (skor indeks 7.522), Iceland (skor indeks 7.504) dan Switzerland (skor indeks 7.494). Denmark disenaraikan sebagai negara paling bahagia pada 2016 telah dipintas Norway yang tersenarai sebagai negara keempat paling bahagia pada 2016.

Negara lain yang tersenarai sebagai antara negara paling bahagia adalah Finland (skor indeks 7.469), Netherlands (skor indeks 7.377), Kanada (skor indeks 7.316), New Zealand (skor indeks 7.314) dan Australia (skor indeks 7.284).

Mengejutkan ramai adalah apabila Amerika Syarikat (skor indeks 6.993) dan United Kingdom (skor indeks 6.714) masing-masing tersenarai di tangga ke-14 dan 19. Keempat-empat negara ini sering menjadi rujukan ramai di negara ini terutama apabila membicarakan tentang kualiti dan amalan terbaik dalam pelbagai sektor.

Data-data yang dikeluarkan secara rasmi tentang kehidupan di pelbagai negara ini telah memberi mesej bahawa konsep negara maju, membangun dan mundur yang sering menjadi perbincangan umum wajar didebatkan dan dinilai semula.

Ini kerana ukuran kemajuan dan kebahagiaan biarpun mempunyai pertalian kuat, terdapat faktor lain yang menentukan kebahagiaan rakyat di sesebuah negara. Maka, amat perlu sekali meneliti kekuatan sedia ada dalam negara termasuklah amalan harian yang disebut sebagai realiti sosial (*everyday defined social reality*) agar dengan cara itu kita dapat suburkan amalan sedia ada yang berpotensi dikembangkan. Kebijakan dalam mengurus kearifan lokal (*local wisdom*) adalah modal yang amat perlu dimajukan.

DR. MOHD. MAZHAN AWANG ialah Timbalan Ketua di Pusat Keperibagihan Pelajar dan Pembangunan Komuniti, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia